

10 OCT 1996

Umno-Usul

HIDUPKAN SEMULA NILAI-NILAI MELAYU

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Anggota Umno mesti menghidupkan semula nilai-nilai Melayu khususnya menghormati orang tua di samping mempertahankan harga diri bagi memelihara kekuatan parti.

"Jika kesetiaan kepada pemimpin terus diamalkan, insya-Allah semua anggota perwakilan akan patuh kepada pucuk pimpinan parti dan dapat menghalang Umno daripada menuju kehancuran," kata wakil dari Bentong, Pahang Datuk Adnan Yaakob pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika membentangkan usul terima kasih kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana ucapan dasarnya sewaktu merasmikan perhimpunan itu.

Adnan berharap Dr Mahathir akan meneruskan perjuangan membanteras politik wang selagi beliau masih sihat dan bertenaga dan menghindari parti dan bangsa daripada dijahanamkan oleh anasir-anasir jahat.

"Kenapa kita tidak harus sokong Presiden kalau ucapannya pagi tadi bertujuan menghalang parti kita daripada terus musnah dan hancur?" tanya beliau.

"Tindakan beliau sebagai seorang bapa itu adalah suci, dan kita sebagai anak-anak sepatutnya akur terhadap amanat beliau itu," katanya.

Adnan berkata anggota parti yang boleh dibeli sebagai merupakan anggota yang tidak berkualiti, dan menggesa agar amalan itu dihapuskan kerana "kalau nasi sudah jadi bubur tak ada makna lagi."

Katanya amanat Presiden itu sesuai dengan ajaran Islam.

Beliau berkata ucapan dasar Presiden kali ini lebih bernas, tegas dan berani untuk semata-mata menyelamatkan parti dan bangsa Melayu daripada terus terjerumus akibat politik wang.

Usul itu antara lain menyokong ketegasan Presiden mengambil langkah membersihkan parti daripada gejala negatif penyalahgunaan kuasa, amalan rasuah dan politik wang dalam parti berpunca daripada keghairahan merebut kedudukan tanpa menghiraukan prinsip, nilai serta tradisi mulia parti.

Ia juga menggesa pimpinan dan jentera parti digerakkan ke arah membina kekuatan masyarakat melalui penghayatan ilmu, penguasaan teknologi, pembangunan ekonomi dan budaya untuk mengangkat martabat bangsa bermaruah dan negara cemerlang.

Dalam ucapannya menyokong usul berkenaan, Datuk Mufti Shuib dari Ampang Jaya, Selangor berkata politik wang yang disentuh Presiden dalam ucapannya itu memang benar "tetapi tindakan Presiden untuk menghapuskan amalan itu adalah lebih benar."

"Saya harap air mata yang dititiskan Dr Mahathir pagi tadi tidak sia-sia belaka dan saya berdoa agar beliau akan hidup seribu tahun lagi untuk meneruskan perjuangannya demi bangsa, agama dan negara," katanya.

Beliau juga memuji sikap Dr Mahathir yang sanggup menerima kembali bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah dan bekas anggota parti itu ke pangkuan Umno.

Mufti turut menarik perhatian perwakilan kepada gejala dadah yang menurutnya membabitkan sebilangan besar remaja Melayu dan menggesa supaya segala usaha dilakukan untuk mengatasi masalah itu.

Wakil Perlis, Senator Mastika Junaidah Hussein menyarankan supaya lebih banyak program kefahaman Islam dilaksanakan di kampung-kampung memandangkan program seumpama itu masih kekurangan.

Beliau yang menyokong usul itu berkata anak-anak Melayu perlu

dilengkapi nilai-nilai Islam dan tidak mudah terpesong akidah akibat dipengaruhi budaya yang tidak bermoral.

Beliau juga menyarankan agar pihak berkuasa memperketatkan penguatkuasaan di pusat-pusat hiburan yang menjalankan operasi selepas tempoh yang ditetapkan.

Katanya pertumbuhan pusat-pusat hiburan perlu dikawal bagi memastikan anak-anak muda tidak mudah dipengaruhi akhlak yang buruk.

Wakil Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin menarik perhatian para perwakilan mengenai tanah simpanan Melayu yang kini tinggal 680,000 hektar daripada 1.2 juta hektar yang diwartakan oleh penjajah sebelum meninggalkan negara ini.

Beliau mahu langkah-langkah berkesan diambil untuk melindungi tanah simpanan Melayu yang ada yang terus berkurangan akibat pembangunan.

"Tanah simpanan Melayu yang diambil untuk pembangunan sepatutnya digantikan dengan tanah lain agar tanah simpanan Melayu dapat dikekalkan," katanya semasa menyokong usul itu.

Badruddin, yang pandai berkelakar membuat Dewan Merdeka riuh dengan gelak ketawa, bagaimanapun turut membuat suasana dewan serius apabila beliau melahirkan harapan agar Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim terus menyokong kepimpinan Dr Mahathir.

Dr Mahathir adalah seorang negarawan yang banyak berjasa memaju dan memperkenalkan Malaysia di luar negara dan masih mampu dan sihat untuk meneruskan tugasnya, katanya.

Beliau bersimpati dengan Dr Mahathir kerana terpaksa menghadapi masalah politik wang yang masih belum dapat dibendung walaupun sudah banyak kali menegaskan kepada anggota supaya menolak amalan buruk itu.

"Dr Mahathir duduklah elok-elok, jangan bimbang, saya dan seluruh anggota UMNO akan terus memberi sokongan untuk membanteras gejala itu," katanya.

Sambil menoleh kepada Anwar, Badruddin berkata: "Timbalan Presidenpun duduklah elok-elok ditempatnya, nanti herut," disambut gelak ketawa.

Katanya politik wang harus dibendung kerana UMNO tidak mahu kepimpinan politik negara dikuasai golongan tertentu yang mempunyai wang untuk mencorakkan dasar negara bagi kepentingan mereka.

Beliau juga menyarankan agar masalah kewangan MARA tidak didedahkan menerusi media sedangkan Mara adalah tempat di mana anak-anak Melayu menaruh harapan untuk mendapatkan bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran.

Wakil Kelantan, Haji Wan Zahid Wan Abdullah pula mencadangkan supaya Umno mengkaji semula perlembagaannya, struktur organisasi, sistem pemilihan dan siasat semua aduan dalam usaha membanteras politik wang dan salah guna kuasa.

Katanya mungkin terdapat kelemahan-kelemahan yang menyebabkan calon dan anggota perwakilan berani melanggar segala arahan parti dan akibatnya politik wang dan salah guna kuasa menjadi semakin berleluasa.

Bagaimanapun, katanya, apa yang lebih penting ialah kesedaran di kalangan anggota Umno sendiri untuk memerangi barah yang melanda parti itu jika mereka benar-benar sayangkan agama, bangsa dan negara.

Wakil Terengganu, Ahmad Said dengan lantang membidas para calon, terutama mereka yang sudahpun menjadi pemimpin kanan parti dan anggota perwakilan yang memberi tepukan gemuruh dan sama-sama menitiskan air mata apabila mendengar ucapan Dr Mahathir mengenai politik wang.

Katanya walaupun ada yang benar-benar insaf, pada hakikatnya majoriti hanya "berlakon" kerana merekalah orang yang memberi dan menerima dan ada pula yang menjadi peminta sehingga gejala politik wang semakin hari semakin sukar dihapuskan.

"Saya sungguh sedih dengan sikap pemimpin dan anggota perwakilan yang

terlibat. Janganlah kita ini hanya telunjuk yang lurus tetapi kelingking berkait," katanya.

Wakil Pulau Pinang Datuk Dr Hilmi Yahya pula membangkitkan isu pekerja dan pendatang asing yang kini mewujudkan pelbagai masalah termasuk keselamatan di kalangan masyarakat tempatan.

Beliau mahukan kajian dibuat untuk menentukan jumlah pekerja terutama di kilang-kilang di negeri itu bagi menentukan keperluan untuk membawa masuk pekerja asing adalah berdasarkan kekurangan yang sebenar.

Kehadiran pekerja asing kebelakangan ini menimbulkan masalah sosial yang ketara di negeri itu khususnya, katanya.

Dr Hilmi menggesa semua pihak sentiasa memberikan keutamaan kepada rakyat tempatan dalam semua bidang dan sektor pekerjaan.

Wakil Perak Abdul Rahman Sulaiman pula memberi jaminan bahawa Presiden parti tidak akan berseorangan dalam usaha membanteras politik wang dalam Umno.

Beliau yakin Dr Mahathir akan berjaya membersihkan parti daripada gejala itu berdasarkan kejayaannya dalam mengatasi krisis perlembagaan bagi mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu.

Wakil Wilayah Persekutuan Abu Kasim Tadin menyarankan Umno menubuhkan suruhanjaya khas parti seperti Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bagi mengawalselia pertandingan di setiap peringkat parti.

Beliau berkata dengan penubuhan suruhanjaya khas itu amalan politik wang dan penyalahgunaan kuasa dapat dibendung.

Beliau turut mencadangkan supaya Umno mengadakan "kempen politik wang sifar" dengan mengadakan ceramah-ceramah dan program motivasi di kalangan anggota parti.

Abu Kasim berkata bagi memastikan tiada salah faham di kalangan calon-calon yang bertanding pada masa akan datang, satu peraturan bertulis mengenai syarat dan garis panduan pertandingan dan kempen perlu dilaksanakan.

Wakil Negeri Sembilan Roslan Haji Kasim pula berkata sudah tiba masanya bagi anggota Umno sedar akan bahaya gejala politik wang yang bukan sahaja dapat meruntuhkan agama dan bangsa malah negara. -- BERNAMA

WE RON